

Program Sains Makanan Dan Pemakanan

vol 1 : Dec 2010 ISBN: 978-967-8078-

Oleh: Yasmin Ooi

Di dalam kajian pengesanan graduat yang akhir sekali dilakukan oleh UMS pada 2007, 42 orang (56%) lulusan program Sains Makanan dan Pemakanan mendapat pekerjaan dalam tiga bulan selepas menamatkan pengajian. Daripada jumlah tersebut, 27 orang (64%) berjaya mendapat pekerjaan tetap. Dari segi bidang pekerjaan, 17 orang bekerja sebagai profesional di dalam bidang sains makanan atau pemakanan, 7 orang bekerja di dalam kapasiti teknikal, 10 orang dalam kerja-kerja perkeranian, dan 7 orang di dalam pemasaran dan perkhidmatan pengguna.

Kejayaan ini adalah sumbangan beberapa faktor. Antaranya pembelajaran dan pengajaran menggunakan pelbagai teknik dan pensyarah yang sangat prihatin kepada perkembangan pelajar. Latihan di industri selama enam bulan yang mendedahkan pelajar program ini kepada cabaran dunia pekerjaan di dalam bidang sains makanan dan pemakanan turut memberi impak. Latihan penyelidikan dengan standard akademik yang tinggi dititikberatkan, dan paling ketara semasa projek penyelidikan tahun akhir dengan pemberatan 9 jam kredit. Semua ini didukung dengan kemahiran insaniah seperti komunikasi dan pemikiran kritikal di dalam setiap kursus, serta peluang di pasaran kerja yang positif kerana kepesatan perkembangan industri makanan dan kesedaran pengguna kepada aspek-aspek pemakanan, memberikan pelajar program ini peluang pekerjaan yang cerah.